



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 27 RABU 13 OKTOBER, 1965 1385 رابو 18 جمادالآخر PERCHUMA

Upacara Tamat Latehan Rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei

PULIS DAN TENTERA MENGAMBIL PERANAN PENTING MENJAGA KEAMANAN NEGARA

— KATA DATO PADUKA SLATER

BERAKAS. — Satu upacara tamat latehan 37 orang rekrut Askar Melayu Diraja Brunei telah di-langsungkan di-Padang Kawat Askar Melayu Diraja Brunei, Berakas pada pagi hari Sabtu yang lalu.

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka A. J. W. Slater telah memeriksa barisan kehormatan terdiri dari rekrut2 tersebut yang di-ketuai oleh Lieutenant Mohammad Husain bin Haji Mohammad.

Ketika memeriksa barisan kehormatan itu, Dato Paduka Slater telah di-iringi oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Major D. J. Wright.

Salah sa-orang dari rekrut2 tersebut, Ya'akup bin Safar telah terpilih sa-bagai rekrut yang terbaik, sementara penimbak yang terbaik ia-lah rekrut Yakup bin Mohammad Noor.

Dalam ucapan-nya di-upacara tersebut, Dato Paduka Slater telah memuji kecekapan rekrut2 itu mengenai tata-tertib dalam perbarisan yang di-sifatkan-nya sa-bagai "mempunyai mutu yang baik".

Di-samping itu, Dato Paduka Slater juga menekankan bahawa dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negeri, pehak pulis dan tentera ada-lah mengambil peranan yang penting dan kedua2 perkhidmatan itu hendak-lah bekerjasama.

Sa-terus-nya, Dato Paduka Slater menjelaskan, pada masa sekarang, peranan pulis baik di-mana2 negeri dalam dunia ini ia-lah memelihara keamanan.

hara keamanan tidak dapat diuruskan oleh pehak pulis sahaja dan pehak tentera akan di-panggil untuk memberi bantuan untuk memulehkan keamanan", tegas Dato Paduka Slater.

Dato Paduka Slater sa-terus-nya menegaskan bahawa di-Brunei perkara yang "burok" itu pada masa ini tidak timbul dan pehak tentera ada-lah sentiasa memberi bantuan kepada pementahan awam dalam perkara2

yang tertentu yang menunjukkan pehak pulis dan tentera ada-lah sentiasa bekerjasama.

Mengenai fahaman bekerjasama di-antara kedua2 perkhidmatan itu, beliau berpendapat ada-lah di-sebabkan ramai bilangan askar2 yang ada perhubungan keluarga dengan pasokan pulis.

Perkara yang saperti ini, Dato Paduka Slater mensifatkan-nya (Lihat Muka 8)

PILEHAN RAYA MAJLIS MASHUARAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Pekan Brunei akan di-adakan pada hari Sabtu 23 Oktober, 1965.


Lambang chalun2 yang akan bertanding dalam Pilehan Raya tersebut ada-lah saperti berikut:

Lambang Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud ia-lah Payong, manakala Lambang

Awang Haji Mohamed bin Haji Bakar ia-lah Kunchi.

Hari Menamakan Chalun Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Pengkalan Batu ia-lah hari Sabtu 16 Oktober.

Jikalau lebeh daripada sa-orang mendaftarkan nama untuk bertanding dalam Pilehan Raya bagi kawasan tersebut, maka Hari Mengundi ia-lah hari Sabtu 13 November, 1965.



Dato Paduka Slater kelihatan sedang memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei dalam satu upacara tamat latehan bagi 37 orang rekrut AMDB di-Padang Kawat, Berakas pada 9 Oktober yang lalu.

20 Orang Penuntut Brunei Mendapat Beasiswa Sharikat Minyak Shell

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah mengumumkan hadiah bantuan beasiswa yang baru untuk penuntut2 Brunei bagi tahun 1965.

Lima belas daripada beasiswa tersebut ia-lah untuk penuntut2 yang mendapatkan Sijil Persekolahan dan lima lagi beasiswa ia-lah untuk bantuan kepada penuntut2 yang mendapatkan Sijil Tinggi Persekolahan.

Selain dari itu, Sharikat Minyak Shell juga telah membaharu bantuan beasiswa kepada 19 orang penuntut2 Brunei bagi tahun ini.

Jumlah hadiah2 beasiswa yang baru untuk tahun 1965 meningkat kepada \$10,000 dan pembaharuan dari hadiah beasiswa bagi

tahun yang lalu telah meningkat ka-\$9,500.

Penuntut2 Brunei yang menerima bantuan beasiswa yang baru itu ada-lah seperti berikut:

SIJIL PERSEKOLAHAN

Mohd. Aliddin bin Abdul Ghani, Kamis bin Angkat, Ismail bin Parun, Chong Chin Woh, Antin bin Aard dan Abdul Rahman bin Samad — kesemua-nya dari Maktab Anthony Abell, Seria.

Wong Teck Wan, Matdanan

Ja'afar, Hamdillah bin Abdul Wahab, Misli bin Awang Tuah dan Sapawi bin Bolhasan—kesemua-nya dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Md. Hussain bin Md. Zain dari Sekolah Misi Saint Margaret, Seria.

Hee Sioo Lin dan Wong Chen Kiong — kedua2-nya dari Sekolah Misi Saint Michael's, Seria.

Koh Lian Kiat dari Sekolah Misi, Saint Andrew's, Bandar Brunei.

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN

Lim Siew Yong, Awangku Hassan bin Pengiran Damit, Law Kong Chong, Masni binti Ali dan Md. Noor bin Daud — kesemua-nya dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Gunakan-lah
Bahasa
Melayu
Bahasa
Perpaduan
Kebangsaan

BELIA2 DI-SELUROH NEGERA DI-SERU BEKERJASAMA BAGI MENGHAPUSKAN PENYAKIT KOLERA

BANDAR BRUNEI. — Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar telah menerbitkan satu siaran kepada semua ahli2 Persatuan2 Belia di-seluruh Negeri Brunei berhubung dengan penyakit kolera.

Kandungan siaran tersebut adalah seperti berikut:

Telah kita ma'alomi bahawa negara kita yang di-chintai ini sedang di-dalam keada'an yang chemas di-sebabkan oleh penyakit kolera sejak beberapa hari yang lalu. Sa-bahagian daripada penduduk2 negeri ini, terutama sekali di-Daerah Brunei telah diserang oleh penyakit yang dahshat itu.

Sa-bagai satu usaha supaya penyakit yang berjangkit ini tidak merebak dengan sa-luas2-nya, maka pehak Jabatan Perubatan sedang menjalankan satu ikhtiar supaya tiap2 penduduk yang diserang oleh penyakit itu dihantar ka-rumah sakit, dan mereka yang tinggal sa-rumah dengan-nya itu pula ada-lah terkawal oleh pehak Pulis Di-raja supaya mereka tidak keluar dari rumah itu hingga terbokti yang mereka itu tidak berpenyakit kolera dan tidak membahayakan penduduk2 yang lain.

Tindakan yang semacam ini ada-lah terdapat di-beberapa buah rumah terutama sekali di-Kampong2 Ayer dan lain2 tempat di-Daerah Brunei.

Oleh kerana mereka tidak dibenarkan keluar dari rumah itu, maka pehak Jabatan Kebajikan Masyarakat pula bertugas dengan giat-nya memberi bantuan yang berupa keperluan sa-hari2 seperti beras, gula, ikan dan lain2 makanan. Harapan mereka untuk hidup sa-tiap hari ada-lah tergantung kepada bantuan makanan yang di-usahakan oleh Jabatan ini.

Sejak meletus-nya penyakit

kolera itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, antara lain-nya, telah mendapat bantuan tenaga sechara sukarela dari beberapa persaorangan dan ahli2 Persatuan Pengakap dan Palang Merah, Brunei.

Hingga 28/9/1965, ahli2 persatuan itu terus-menerus menjalankan tugas mereka dengan hati yang tabah dan rasa yang bertanggung jawab atas nasib bangsa dan tanah ayer mereka.

Tetapi, oleh kerana bilangan rumah yang mesti di-bantu itu telah bertambah, maka tenaga sukarela yang lebeh banyak adalah di-kehendaki dengan segeranya.

Maka ini-lah saya, selaku Yang Di-Pertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, memohon dan berseru kepada semua ahli2 Persatuan2 Belia di-seluruh negeri terutama sekali persatuan2 di-Daerah Brunei supaya tampil kahadapan melaporkan diri sa-bagai pekerja sukarela demi kepentingan bangsa dan tanah ayer.

ANGKATAN SEDAR MEWAKILI ZAMAN-AYA

Tenaga sukarela awang2 dan dayang2 ada-lah di-kehendaki oleh bangsa dan negera awang2 dan dayang2 sendiri! Ini-lah masa-nya bagi kaum belia2 sa-bagai angkatan sedar mewakili zaman, memboktiikan diri kita sa-bagai satu sektor masyarakat yang bertanggung-jawab masyarakat yang sanggup menghadapi suka-duka bangsa dan tanah ayer-nya, dan masyarakat yang mahu hidup dan maju demi kepentingan bersama.

Untuk mendapatkan penerangan dan panduan yang lebeh lanjut, berhubung-lah terus, dengan chara perjumpa'an atau telepon dengan Pekerja Kebajikan Masyarakat di-Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara Bandar Brunei.

Selain dari itu, ada-lah menjadi tanggung jawab tiap2 pemuda/pemudi seluruh negeri untuk bergerak dengan tegas-nya supaya mengikut dan mengamalkan nasehat2 Jabatan Perubatan, Brunei, seperti menghantar dengan serta-merta ka-rumah sakit tiap2 orang yang di-serang oleh penyakit kolera itu, menjaga dengan teliti kebersehan rumah, makanan dan lain2, serta nasehat2 yang lain yang selalu-nya di-hebahkan di-Radio Brunei itu.

Tanggung-jawab kita bukan sahaja mengamalkan nasehat2 itu, tetapi ada-lah penting-nya supaya nasehat2 itu di-khabarkan kepada rakan2 dan semua isi kampong masing2 supaya seluruh pen-

duduk negeri ini serentak bertindak menghapuskan penyakit yang bernyala2 itu.

Saya ingatkan kepada semua pemuda/pemudi di-seluruh negeri bahawa tiap2 nasehat (dari Jabatan Perubatan) yang di-amalkan dan/atau di-khabarkan itu adalah di-sifatkan sa-bagai satu jasa kepada bangsa dan tanah ayer kita dalam perjuangan kita sama2 menghapuskan penyakit yang sedang bermaharaja-lela.

Terhapus-nya penyakit ini bererti terelak-lah akibat penyakit kolera yang tidak di-ingini itu. Dalam erti kata lain, terselamat-lah nanti negara kita dari mangsa penyakit yang tidak mengenal rupa dan bangsa itu.

Jangan lupa, NEGARA KITA SENDIRI BERKEHENDAKKAN TENAGA SUKARELA HARI INI!!!

Selamat bertugas, dan selamat berbakti kepada bangsa dan tanah ayer.

Keputusan Pepereksaan Trengkas dan Menaip

BANDAR BRUNEI. — Sabelas orang chalun2 dari Negeri Brunei telah lulus dalam Pepereksaan Trengkas dan Menaip anjoran Trengkas Melayu Institute, Malaysia.

Pepereksaan tersebut telah diadakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada 13 Jun, 1965.

Keputusan chalun2 yang telah lulus dalam pepereksaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Trengkas: Peringkat Tertinggi — Julaihi bin Md. Daud, Othman

bin Damit dan Wan Abdul Rahman bin Wan Ali.

Trengkas: Peringkat Menengah — Ya'akub bin Sidek.

Trengkas: Peringkat Permulaan — Duming bin Abdul Wahab.

Menaip: Peringkat Tertinggi — Abdul Halim bin Jamal.

Menaip: Peringkat Menengah — Saudah binti Suhailli.

Menaip: Peringkat Permulaan — Matali bin Mantok, Othman bin Damit, Kamis bin Mohd. Ali dan Abdullah bin Simpol.

PILEHAN RAYA M. M. D. BRUNEI KAWASAN PENGKALAN BATU Ma'aluman Untuk Bakal2 Chalun

Ma'aluman untuk peringatan bakal2 Chalun, Penchadang dan Penyokong berkenaan Hari Menamakan Chalun untuk Majlis Mashuarat Daerah Brunei bagi Kawasan Pemilihan Pengkalan Batu Brunei.

1. Tempat menerima kertas menamakan chalun akan terbuka pada 16 Oktober, 1965 di-Sekolah Melayu Pengkalan Batu dari jam 10-00 pagi hingga 1-30 petang.

2. Pegawai Pengurus untuk kawasan itu akan menerima surat2 chalun dalam Borang 3 dan surat2 itu mesti di-serah katangan-nya oleh chalun sendiri atau penchadang-nya, atau penyokong-nya. Surat2 chalun yang datang kepada Pegawai Pengurus sa-bagai kiriman (Pos) daripada salah sa-orang yang di-sebut tiada akan di-layanan.

3. Tiga keping Surat Chalun (Borang 3) dan satu keping surat Sumpah (Borang 4) mesti di-serahkan berserta dengan wang tunai sa-banyak seratus ringgit untuk wang petarohan, atau receipt menunjukkan wang ini telah di-bayar di-Pejabat Kewangan.

4. Semua butir2 yang di-kehendaki dalam surat chalun mesti di-penohkan.

5. Nama2 penchadang, penyokong dan 4 orang lagi, atau lebeh, yang bersetuju dengan perchalunan itu mesti berada dalam daftar pengundi berkenaan dengan kawasan yang di-tandingan. Di-sini, perlu di-ma'alumkan bahawa daftar pengundi2 yang lama masih lagi di-pakai. Pengundi2 yang baharu2 sahaja mendaftarkan nama mereka ya'ani dalam bulan Julai/Ogos ini belum dapat mengundi atau menjadi chalun kerana menurut peratoran2 maka daftar baru hanya akan berjalan kuat kuasa-nya mulai daripada 15 Mach, 1966.

6. Surat2 chalun akan diterima dari jam 10-00 pagi sampai 12-00 tengah hari tepat.

7. Di-antara jam 12-00 tengah hari dan 1-30 petang Pegawai Pengurus akan menerima bantahan2 berkenaan surat2 chalun. Orang2 yang boleh menghadziri hurairan ini selain daripada Pegawai Pengurus ia-lah Ahli2 Surohanjaya Pilehan Raya, Penyelia Pilehan2 Raya, Chalun, Penchadang2, Penyokong sa-orang lagi yang dilantek oleh chalun dengan bersurat, dan orang2 yang memberi pertolongan kepada Pegawai Pengurus. Chalun2 itu mesti-lah juga menyediakan Surat lantekan bagi ia melantek sa-orang Wakil Pilehan Raya-nya serta menunjukkan alamat wakil-nya itu jika sakira-nya kawasan itu pilehan raya akan bertanding. Juga chalun2 itu mesti-lah memberi pada Pegawai Pengurus, jika ada pertandingan, nama chalun itu dalam huruf "Jawi".

8. Apa2 keputusan di-ambil Pegawai Pengurus atas bantahan2 terhadap surat2 Chalun ada berkehabsan dan mu'tamad bagi maksud2 pilehan raya.

9. Ma'aluman ini di-berichuma sa-bagai peringatan sahaja. Semua orang yang akan mengambil bahagian dalam pilehan raya yang akan datang mahu kaji dengan teliti-nya segala undang2 dan peratoran2 yang berkenaan.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13 Oktober hingga ka-hari Selasa 19 Oktober, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Matahari						
	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
13	12-13	3-31	6-13	7-28	4-33	4-48	6-05
14	12-12	3-30	6-12	7-27	4-33	4-48	6-05
15	12-12	3-30	6-12	7-27	4-33	4-48	6-05
16	12-12	3-30	6-12	7-27	4-33	4-48	6-05
17	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
18	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05
19	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Rekrut2 A. M. D. B. Yang Telah Tamat Berlateh Pada 9 Oktober, 1965

BERAKAS. — Sinarai nama rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei dari Intake ka-lima yang telah tamat berlateh pada 9 Oktober, 1965 ada-lah saperti berikut:—

Rekrut Yang Terbaik:

Ya'akup bin Safar, Kg. Kum-bang Pasang, Brunei.

Penimbak Yang Terbaik:

Yakub bin Mohd. Noor, Kg. Sungai Kedayan, Bandar Brunei.

Bujang bin Mohammad, Kg. Panchor Dulit, Tutong; Othman bin Nordin, Kg. Padang Baru, Jalan Lintang, Bandar Brunei.

Zaini bin Md. Salleh, Kg. Sultan Lama, Bandar Brunei; Omar bin Hj. Matasim, Kg. Kasat Brunei; Ahmad bin Mohd. Yassin, Kg. Gadong, Brunei; Hassan bin Bakir, Kg. Tungku Gadong, Brunei; Johari bin Jumat, Kg. Bangkurong Batu 6, Jalan Tutong, Brunei.

Ghaffar bin Jamudin, Kg. Lamunin, Tutong; Larai bin Sayong,

Kg. Kaluyoh, Sungei Liang, Daerah Belait; Ridi bin Ginam, Kg. Lumut, Daerah Belait; Budin bin Duraman, Kg. Sumbiling Lama, Bandar Brunei.

Abd. Wahab bin Jumat, Kg. Sultan Lama, Bandar Brunei; Yayon bin Tabok, Kg. Batang Mitus, Lamunin, Tutong; Mat Zaini bin Rais, Lot 2201 Kg. Melayu, Seria; Buntar bin Salleh, Kg. Lamunin, Tutong.

Ahmad bin Mat Sahat, Kg. Istana Bandong Brunei; Daud bin Tengah, Kg. Istana Bandong Brunei; Mohammad bin Kassim, Lurong Lima, Seria; Ambas bin Anis, Kg. Batu 17 Jalang Tutong. Ahad bin Jumat, Kg. Sumbiling Baru, Brunei.

Spiee bin Jaya, Kg. Sungai Teraban, K. Belait; Puasa bin Mawang, Kg. Jerudong, Brunei; Ja'afar bin Abd. Hamid, Lurong Lima, Seria; Asar bin Barudin, Kg. Tanah Jambu, Jalan Muara.

Azahari bin Mohd. Tahir, Kg. Membawang, Lumapas, Brunei;

Ismail bin Mohd. Salleh, Kg. Lamunin, Tutong; Moksini bin Tabam, Kg. Bunut Batu 5½, Jalan Tutong; Ja'afar bin Mohammad, Kg. Bunut Batu 5½ Jalan Tutong.

Ak. Manshor bin Pg. Matassan, Kg. Bakut Berumpit, Brunei; Abdullah bin Mohammad, Kg. Bunut Batu 5½ Jalan Tutong; Ahmad bin Tersil, Kg. Bukit Salat, Bandar Brunei; Saman bin Taha, Kg. Pulau Berbunut, Brunei.

Hamdani bin Abdullah, Kg. Bunut Batu 5½, Jalan Tutong; Bakar bin Bakri, Kg. Gadong, Brunei; Mahadi bin Hj. Nawang, Kg. Kiarong, Daerah Brunei.

Keputusan Peraduan Berchuchol

TUTONG. — Keputusan Peraduan Berchuchol Bahagian2 Rumah yang telah di-adakan di-Daerah Tutong baru2 ini bagi menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. ada-lah saperti berikut:

Bahagian Elektrik:

1. Awang Shaari bin Mohd. Said, Kg. Panchor Papan, Tutong; 2. Awang Ramli bin Jamaludin, Kg. Panchor Dulit, Tutong; 3. Awang Suhaimi Abu Bakar, Kg. Simpang Penanjong, Tutong; 4. Awang Ahmad Hj. Ismail, Bukit Bendera, Tutong.

Bahagian Minyak Gas:

1. Awang Seruji bin Hj. Latiff, Kg. Keriam, Tutong; 2. Awang Mohd. Jais, Kg. Keriam, Tutong; 3. Awang Md. Ali Mokti, Kg. Luagan Dudok, Tutong; 4. Awang Abdullah, Kg. Keriam, Tutong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh.

JAWATAN KOSONG:

Pemeriksa Pertukaran Buroh

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat di-dalam Perkhidmatan Kerajaan dan berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai pemeriksa Pertukaran Buroh di-Pejabat Buroh, Brunei.

Gaji:—Dalam sukatan gaji \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290x20 - 370 - 380x20 - 560.

Kelayakan2—Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 saperti berikut di-kehendaki memohon:

(a) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Form II Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu atau yang bersamaan dengan-nya.

(b) Pemohon2 mesti-lah sudah

berkhidmat sekurang2-nya 5 tahun dalam Pejabat2 Kerajaan.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman berkenaan dengan hal-ehwal perburohan.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon itu bersama dengan satu salinan "Record of Service" yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 Oktober, 1965.

Peranan Bahasa Dalam Kehidupan Manusia

Bahasa mempunyai peranan penting dalam kehidupan manusia. Oleh kerana rapatnya hubungan antara manusia dan bahasa-nya, maka hal ini tiada disadari menjadi suatu perkara biasa seperti kita bernafas, bergerak atau tidak ia-nya tentu-lah merupakan perbezaan mutlak antara manusia dengan haiwan.

Kesan2 dari bahasa sungguh besar pengaruh-nya dalam kehidupan manusia. Sa-chara langsung atau tidak ia-nya tentu-lah merupakan perbezaan mutlak antara manusia dengan haiwan.

Bahasa tentu-nya merupakan suatu yang menguasai alam fikir-an, falsafah dan pendidekan manusia sa-bagai satu bangsa.

PEMBANGUNAN

Sa-bagai suatu negara dan bangsa, terutama bagi sa-buah negara dan bangsa yang sedang membangun, salah satu faktor penting sa-bagai dasar pembangun-an itu ia-lah bahasa.

Bahasa ada-lah daya-gerak dan daya-fikir suatu bangsa. Ia-nya juga ada-lah lidah pernyataan hasrat, perwakilan peribadi, penyuar hati ra'ayat sa-bagai suatu bangsa dan negara.

Oleh kerana kesadaran ini-lah Kerajaan Negeri Brunei telah mengambil langkah dan perhatian yang berat terhadap perkembangan dan kemajuan bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi negara.

Undang2 Perlembagaan 1959 dalam bab 82 (1) ada menyatakan bahawa bahasa rasmi negeri ini ia-lah Bahasa Melayu.

PERLEMBAGAAN

Untuk melaksanakan tujuan dan chita2 Kerajaan bagi menjadikan Bahasa Melayu itu sa-bagai Bahasa Rasmi yang hidup, subur, maju sesuai dengan dasar Undang2 Perlembagaan tersebut, maka Kerajaan telah menjalankan ikhtiar dan daya upaya, agar Bahasa Melayu benar2 merupakan suatu bahasa berdaulat keluar dan ka-dalam, benar2 merupakan suatu bahasa yang di-chintai dan di-hormati oleh ra'ayat-nya.

Kerajaan Brunei telah mendirikan sa-buah jabatan yang di-namakan

Renchana ini di-tulis oleh Awang Ibrahim bin Muhammad Said, Pengarang Bahagian Buku2 Mengenai Bahasa di-Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Sa-belum memangku jawatan tersebut, Awang Ibrahim telah menjadi Pegawai Istilah di-jabatan itu di-antara tahun2 1962 — 1964.

Tahun lalu Awang Ibrahim telah di-hantar ka-London oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengikuti kursus Penulisan dan Pengeluaran Buku2 di-Universiti London.

Dewan Bahasa dan Pustaka sa-bagai sa-buah Yayasan Bahasa yang bertugas menjalankan maksud Kerajaan itu.

Tugas2 itu di-dasarkan atas lima prinsip ia-itu pertama, berusaha dan berikhtiar untuk memperkembangkan dan meniggikan Bahasa Melayu; Kedua, mensesuaikan pemakaian Bahasa Melayu yang telah di-jadikan Bahasa Rasmi negeri ini mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan sa-bagai yang telah di-persharatkan oleh bab 82 (1) dari perlembagaan; Ketiga, mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku2; Keempat, menyatu padukan ejaan dan sebutan2 dan mengadakan perkataan2 teknikal dalam Bahasa Melayu, dan; Ke-lima, menggalakkan orang2 yang bukan Melayu mempelajari Bahasa Melayu.

Di-atas kelima2 dasar ini-lah Dewan Bahasa Pustaka dan menjalankan kerja-nya untuk mengarahkan dan mengembangkan kemajuan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi negeri ini.

Sejarah penubohan Dewan Bahasa dan Pustaka ini merupakan suatu usaha langsung Kerajaan dalam mendaulatkan kembali Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi yang tunggal bagi negeri Brunei ini.

Oleh kerana itu, penubohan Dewan Bahasa dan Pustaka, bagi kita dapat di-anggap sa-bagai suatu sejarah yang penting arti-nya dalam pembangunan bangsa dan negara.

Pehak Kerajaan negeri ini telah menghantar satu rombongan perwakilan ka-Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1960 untuk menyelidiki dan memberi laporan mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka Persekutuan Tanah Melayu sama ada mungkin Brunei akan mengadakan sa-buah Yayasan yang sa-umpama itu

Laporan perwakilan itu telah diterima oleh pemerintah dan pada 16 September, 1961 tertuboh-lah suatu bahagian dari Jabatan Pelajaran yang di-namakan Bahagian Bahasa dan Pustaka dengan di-lantek sa-orang pengarah sa-bagai ketua bahagian.

Semenjak itu-lah Bahagian Bahasa dan Pustaka menjalankan tugas2-nya

menurut asas2 dan dasar penubohan Jabatan itu.

Melihat kebelakangan, meski pun usaha2 dari Dewan Bahasa dan Pustaka tidak bagitu jelas di-rasakan, tetapi kesan2-nya akan nyata bila di-tinjau dari sudut pemakaian dan

penggunaan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

Dalam tahun 1962 suatu kempen besar2an yang di-selenggarakan oleh Kerajaan dengan di-jalankan oleh Bahagian Bahasa dan Pustaka telah mendapat sambutan hangat dari seluruh ra'ayat negeri ini, terutama kalangan pencinta bahasa.

KEDAULATAN BAHASA MELAYU

Kempen itu ada-lah Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah mendapat sokongan penuh dari sa-genap lapisan masyarakat negeri ini.

Usaha2 sa-tengah pehak untuk menchemek2 dan menchemoh2kan mendaulatkan kembali Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi negara itu, ternyata suatu usaha yang

Bukankah bahasa Melayu telah sebatu, mendarah dan mendaging dengan bumi dan penduduk negeri ini?



Awang Ibrahim Muhammad Said

SAMBUTAN ISRA' DAN ME'RAJ

BANDAR BRUNEI. — Sambutan Isra' dan Me'raj, anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei akan di-adakan di-Bandar Brunei pada 20 November, 1965.

Antara achara2 yang akan di-adakan dalam sambutan itu nanti ia-lah persembahan Tablo, Nashid dan lawak jenaka.

Selain dari itu, peraduan membacha sajak yang terbuka kepada Pertubohan2 Belia, Maktab2 dan Badan2 Persekolahan seluruh negeri akan juga di-adakan.

Tiap2 satu pasokan yang akan mengambil bahagian dalam peraduan itu akan di-wakili oleh dua orang peserta, sama ada laki2 atau perempuan.

Sa-belum memasoki peraduan perengkat akhir, pemilehan perengkat daerah akan di-jalankan terlebih dahulu.

Sa-lain dari hadiah2 bagi pemenang2 persaorangan, sa-buah perisai rebutan juga akan di-hadiahkan kepada pasokan yang menjadi johan dalam peraduan tersebut.

Tarikh bagi memasoki peraduan itu akan di-tutup pada 27 Oktober, 1965.



Dunia Hari Ini

GERAKKAN 30 SEPTEMBER UJIAN UTAMA DALAM REVOLUSI PRESIDENT SUKARNO

MINGGU dulu, seluruh Indonesia telah berka-bong, kerana kematian tujuh orang perwira ne-gara, enam general dan sa-orang pegawai muda tentera, akibat pembunuhan kejam oleh satu golongan yang chuba mengguling-kan pemerintahan President Sukarno, dalam satu tindakan apa yang di-namakan Gerakkan 30 September.

Peristiwa gerakan 30 Septem-ber sudah banyak di-dengar menerusi siaran radio, luar dan dalam negeri, begitu juga ulasan2 tegas yang di-keluarkan oleh sa-tengah2 golongan, yang meletak-kan minat sapenoh terhadap per-kembangan baharu di-republik itu.

Kapada kita, peristiwa gerakan 30 September itu, ada-lah sa-bagai satu berita sa-benar dan patut di-ketahui, tetapi menjadi satu trajidi dan sejarah kepada Indonesia, yang sa-lama ini tidak habis dengan re-volusi-nya.

TUJUAN COUP

Soal yang utama ia-lah untuk me-nentukan tujuan gerakan apa yang di-sebut 30 September, yang di-pimpin oleh Lieutenant Colonel Untong Pegawai Pengawal Istana President. Satu gerakan sa-chara kilat, yang menjunjukkan pehak inteligen Indonesia sendiri kurang chergas, sa-hingga tidak dapat mencium bau pengkhia-natan, yang menimbulkan satu per-ubahan yang bukan kechil di-republik itu.

Menurut sumber2 yang dapat me-yakinkan, puncha gerakan 30 Sep-tember terbit dari: Pertama: Dalam minggu pertama bulan Ogos, ketika President Sukarno sedang sakit, sa-kumpulan panglima2 tentera yang berfaham kanan, di-sokong oleh Badan Perisik Pusat Amerika mem-buat persiapan2 untuk mengambil alih kuasa, jika Sukarno meninggal dunia.

Tetapi apabila President Sukarno sehat kembali, pemimpin2 tentera itu di-katakan telah membuat keputusan untuk melancarkan coup kontra-revolusi terhadap Sukarno yang di-ran-changkan pada 5 Oktober, menjelang hari Angkatan Bersenjata Republik Indonesia.

Kedua: Mungkin President Su-karno dalam waktu akhir2 ini telah tundok kepada tekanan2 Kominis, dan tindakan-nya yang akhir sekali ia-lah mengharamkan Party Murba, langsung memerintahkan Untong me-nangkap panglima2 yang di-ketahui anti-Kominis dalam pasukan tentera.

Ketahui akan hal tersebut, maka Untong membuat satu tindakan lebeh dahulu, ia-itu pada 30 September dengan menangkap 20 orang pegawai kanan tentera yang membuat kom-plotan, dan melindungi Sukarno.

KOMINIS TERLIBAT

Dalam lain2 perkataan, rampasan kuasa oleh Untong itu, ada-lah meng-hancurkan coup yang pertama oleh panglima2 tentera, kemudian dengan serta merta di-ambil, untuk mencha-but hingga ka-akar2-nya, semua para simpai di-kalangan panglima tentera di-Indonesia.

Pada sa-tengah2 pendapat, coup oleh Untong itu mendapat dorongan kuat dari golongan sayap kiri, hasil-nya, segera sa-buah badan baharu yang di-beri nama Dewan Revolusi

telah di-bentok, dalam mana nama beberapa orang pemimpin Indonesia, yang di-katakan pro-Kominis ter-chatet dalam senarai anggota.

Untong telah berkuasa di-Jakarta raya. Station radio Jakarta di-pegang oleh Untong, dan banyak pengumum-an2 oleh Dewan Revolusi baharu itu di-keluarkan. Tetapi ini tidak pula melebehi dari 24 jam, apabila siaran Jakarta berbunyi, bahawa rampasan kuasa Untong telah di-hanchorkan oleh pasokan pimpinan Brigadier General Suharto, dan menyebut juga tentang keselamatan Sukarno, dan Nasution.

Tetapi sa-hingga ini, di-mana ada-nya Untong tidak-lah di-ketahui.

Ini-lah satu daripada puncha gerak-an 30 September, tetapi bagaimana pula sokongan yang di-perolehi hinga-gulungan, apa yang di-namakan 30 September itu berjaya merampas kuasa sejenak, dan sa-hingga pertemp-oran2 maseh lagi berlaku.

Soal utama-nya ia-lah Kominis, yang di-katakan terlibat dalam gerak-an 30 September.

Kominis di-katakan bertanggung jawab atas rampasan kuasa, penchu-lekkan dan pembunuhan kejam panglima2 tentera dan awam, satu jenayah yang sekarang di-kutok oleh sa-genap lapisan ra'ayat di-Indonesia yang benchikan kepada Kominis.

Terdahulu sa-belum itu, golongan apa yang di-namakan Gerakkan 30 September, telah membahagi2an sa-jumlah besar senjata dan latehan rahsia kepada mereka yang tidak ber-hak memegang senjata.

Atas kematian panglima2 tentera itu, pehak tentera menudoh bahawa anggota2 Pemuda Ra'ayat, Front Pe-muda Kominis dari PKI, telah meny-nyamakan diri dengan memakai unif-orm tentera.

MENGGANYANG PKI

Atas da'waan bahawa Parti Kom-inis Indonesia (PKI) mengambil ba-hagian, maka dunia luar juga banyak yang memberikan pendapat, bahawa Kominis ada terlibat dan bertanggung jawab dalam peristiwa 30 September itu.

Dengan ini juga banyak golongan, pertubuhan dan kesatuan yang bukan Kominis di-Indonesia, telah mengutok PKI. Mereka menyeru President Sukarno supaya mengharamkan Parti Kominis Indonesia itu dan pertuboh-an2 boneka-nya.

Seruan dan desakan dari ra'ayat untuk menghanchorkan sama sekali Parti Kominis Indonesia maseh lagi terdengar. Mereka melancarkan rapat2 membuat beberapa keputusan yang akan di-kemukakan kepada President Sukarno, orang yang di-sebut sa-bagai pemimpin Negara Re-publik Indonesia, Bapak Revolusi dan Panglima Tertinggi Angkatan Perang Bong Karno.

Baru2 ini, President Sukarno telah membuat satu keputusan di-sidang kabinet Dwikora-nya di-Bogor, ia-itu yang pertama sa-lepas berlaku-nya coup. President Sukarno dalam sidang kabinet Dwikora-nya, tidak sama sekali menyentuh tentang Kominis, yang di-katakan terlibat dalam Gerakkan 30 September itu. Tetapi

President Sukarno telah mengemuka-kan kepentingan revolusi Indonesia sa-bagai alasan untuk menyerukan perpaduan ra'ayat di-kalangan pehak tentera. Berulang kali President Sukarno telah menekankan, ia-lah penting-nya ra'ayat dan pehak tentera menghindarkan perpechahan dan penting-nya di-jauhi nafsu untuk membalas dendam, dan salah meny-alahkan antara satu sama lain, demi kepentingan revolusi Indonesia yang maseh complex.

President mahu masalah Gerakkan 30 September itu di-serahkan bulat2 kapada-nya untuk di-selesaikan atas dasar penyelesaian politik-nya. Ini di-katakan-nya, akan di-buat sa-lepas keadaan aman dan tertib kembali, sedangkan hingga sekarang keadaan maseh tegang.

PENYELESAIAN POLITIK

Tetapi ra'ayat mendesak terus, kerana Gerakkan 30 September itu tidak menggunakan asas politik. Te-tapi menggunakan sentimen sa-bagai pedoman dan menggunakan kekejam-an sa-bagai pegangan. Kemudian ra'ayat menuntut, penyelesaian politik chara bagaimana yang harus di-seleng-gara dan di-usahkan oleh President Sukarno nanti.

Pada pendapat sa-tengah2 kalangan

oleh Hanafi Joffri

politik, sa-benar-nya President Su-karno ingin memelihara chita2 peme-rintahan Nasakom, yang di-dalam-nya mengandongi tiga golongan yang berlainan, ia-itu Nasionalist, Ugama dan Kominis. Beliau maseh lagi ingin Parti Kominis Indonesia ter-bentok, kerana party tersebut di-kata-kan tidak terlibat dalam Gerakan 30 September, kemudian apa yang ber-laku kata-nya, ada-lah contra-revolusi oleh sa-tengah2 golongan yang kurang sehat dan kurang waras pendirian-nya.

Adakah pendapat President Su-karno itu sesuai untuk di-terima oleh pehak tentera dan ra'ayat Indonesia seluruh-nya, yang semangat mereka terus berkobar2 untuk menggayang Kominis.

Dalam lain2 perkataan, di-Indone-sia sekarang kempen anti-Kominis dan mengganyang Kominis semakin bertambah, lebeh2 lagi sa-telah ia-nya di-dahului oleh pehak tentera, parti2 politik dan ugama.

KOMINIS PERANCHANG

Apa yang di-terima oleh President Sukarno ia-lah beliau marah pem-bentokkan Dewan Revolusi. Beliau tidak membenarkan pembentokkan Dewan Revolusi, tetapi beliau tidak pula mengutok dan tidak menchela, mungkin President Sukarno sendiri belum di-yakinkan terhadap motive dan niat Gerakkan 30 September itu.

Parti Kominis Indonesia pimpinan D. N. Aidit yang dulu-nya sa-bagai sa-buah parti politik yang kuat di-Indonesia, sekarang menghadapi an-

chaman yang tidak mungkin akan hilang, sa-lagi President Sukarno tidak benar2 dapat membuat keputusan untuk melenyapkan-nya, akibat mele-tus-nya Gerakkan 30 September.

Saperti di-Acheh semalam, kedu-dokan di-wilayah bahagian di-Sumatra Utara itu, telah tidak terkawal, hing-gakan satu perintah berkurung di-kuatkuasakan, berikutan tunjok2 per-aasaan menentang Kominis Aidit.

Di-Medan pagi tadi, rapat raksaksa telah di-adakan kerana tujuan2 yang sama, dan sa-bagai upacara meng-akhiri berka-bong di-Indonesia.

Andai kata, keadaan di-seluruh kepulauan Indonesia dari Sabang ka-Marauke, kechuali di-Sulawesi yang belum lagi terdengar, semakin memunchak, masaalah yang menjadi ujian paling berat kepada President Sukarno, yang maseh menyatakan bahawa bukan-nya Untong yang bertang-ggong jawab penoh terhadap Ger-akkan 30 September, dan tidak meny-nyebut sama sekali akan Kominis mengambil bahagian dalam gerakan itu.

Tetapi kalau tidak, golongan mana-kah yang menyebabkan pertemporan maseh terus berlaku hingga hari ini, terutama sekali di-Jawa Timor dan Jawa Tengah. Kapada ra'ayat dan pehak tentera Kominis yang menjadi peranchang utama, yang berjaya me-nafsukan sa-tengah2 golongan tentera mengikut Gerakkan 30 September.

Hingga sekarang President Sukarno belum lagi di-katakan dapat meny-elesaikan-nya walaupun Dwikora per-tama bersidang. Sementara keadaan di-Jakarta raya, maseh di-kenakan dalam keadaan perang.

Oleh peristiwa itu, lebeh dari 2,000 orang telah di-tangkap, termasuk dua orang pemimpin Kominis, satu-nya Nyoto, tokoh menteri negara, dan beratus2 puchok senjata telah di-rampas.

Tiga orang Kominis yang di-tang-kap telah mengakui mengambil ba-hagian dalam penchulikkan dan mem-bunuh kejam enam general. Dapat-kah di-buktikan sekarang, yang Kom-inis tentu-nya terlibat dalam Gerak-an 30 September.

Ra'ayat Indonesia sekarang mung-kin dapat menentukan pemimpin-nya, di-mana mereka berpijak dan langit mana yang di-junjong.

Kapada dunia, adakah kekuatan yang nanti dapat membedong dan menahan perasaan marah ra'ayat In-donesia. Dapatkah President Sukarno menyejukkan perasaan dan semangat ra'ayat-nya, yang sekarang semakin meluap, yang hanya mengenal satu sahaja saloran, ia-itu menentang dan mengganyang Parti Kominis Indone-sia dan menghukom mereka yang bertang-ggong jawab.

Inginkah President Sukarno meng-gagalkan ranchangan Nasakom-nya, ranchangan yang meliputi tiga badan yang memerintah, termasuk Kominis yang di-tuntut oleh ra'ayat supaya di-haramkan. Dapatkah President Su-karno bertindak sendiri atas kekuatan-nya terhadap itu semua.

Bagaimana pun dunia sa-memang-nya ingin keadaan di-Indonesia yang bergolak chamak itu, puleh saperti sedia kala, bagi kepentingan ra'ayat seluruh-nya di-Republik Indonesia.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

1. Tawaran2 ada-lah di-pelawa untuk membekalkan barang2 makanan dan minuman bagi sekolah2 yang menjalankan Rancangan ini. Tawaran2 ini hanya akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Bandar Brunei hingga jam 4-00 petang, pada hari Ithnin 1 November, 1965.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan waktu di-atas, akan di-tolak.

3. Sampul surat mesti-lah di-tulis di-atas-nya:

TAWARAN RANCHANGAN PERMAKANAN SEKOLAH2 NEGERI BRUNEI.

dan alamatkan kepada: "Pengerusi Lembaga Tawaran", di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Brunei.

4. Sa-tiap tawaran mesti-lah di-daftarkan, dengan bayaran chengkeram sa-banyak \$50.00 (Lima puluh ringgit sahaja) untuk tiap2 satu kumpulan sekolah yang di-tetapkan itu di-Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei, wang itu akan di-kembalikan kepada penawar yang tidak berjaya sudah keputusan-nya di-umumkan, dan wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran yang di-tawarkan kepada-nya.

5. Tawaran2 hanya akan di-pertimbangkan kepada penawar2 tempatan Daerah di-bahagian sekolah2 yang berkenaan sahaja.

6. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang khas yang ada di-sediakan di-Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran2 yang sah-habis rendah sekali atau sabarang tawaran.

SEKOLAH2 MENJALANKAN RANCHANGAN MINUM

Sekolah2 Bahagian Bandar Brunei

1. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.
2. Maktab Perguruan Melayu, Berakas, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.
3. Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam.
4. Sekolah Melayu Lela Menchanai, Sekolah Melayu Sungai Kebun, Sekolah Melayu Pintu Malim.
5. Sekolah Menengah Chung Hua Brunei.

SEKOLAH2 BAHAGIAN SERIA DAN KUALA BELAIT

1. Maktab Anthony Abell, Seria Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria.
2. Sekolah Menengah Chung Ching, Seria.
3. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait.

Barang ² yang di-kehendaki	Suka-tan	Harga-nya
1. Gula Pasir No. 1	Sa-kati	\$
2. Susu Pekat		
3. Chap Junjong	Sa-tin	\$
4. Ovaltine	5 lbs. tin Sa-tin	\$

4. Milo	5 lbs. tin Sa-tin	\$
5. Horlick	5 lbs. tin Sa-tin	\$
6. Quaker Vigour	1 lb. tin Sa-tin	\$
7. Local Biscuits	5 lbs. tin Sa-tin	\$
8. *Kek, Jam Roll, Kastard	Sa-biji	\$
9. *Kueh Melayu	Sa-biji	\$
10. Buah Apple	Sa-biji	\$
11. Vim Besar	Sa-kotak	\$
12. Kayu Api Bakau	Sa-tan	\$

Peringatan:

1. Sekolah2 bahagian Seria dan Kuala Belait TIDAK KEHENDAKKAN KAYU API.
2. *Sama besar-nya seperti yang di-jual di-kedai2 kopi.

SEKOLAH2 MENJALANKAN RANCHANGAN MAKAN SEKOLAH2 BAHAGIAN BRUNEI

1. Sekolah Melayu Gadong
2. Sekolah Melayu Kiarong
3. Sekolah Melayu Burong Pingai
4. Sekolah Melayu Anggerek Desa
5. Sekolah Melayu Delima I (Berakas)
6. Sekolah Melayu Lambak
7. Sekolah Melayu Jerudong
8. Sekolah Melayu Sengkuring
9. Sekolah Melayu Kilanas
10. Sekolah Melayu Bunut
11. Sekolah Melayu Lumapas
12. Sekolah Melayu Sungai Hanching
13. Sekolah Melayu Tanah Jambu
14. Sekolah Melayu Muara (SUAS)
15. Sekolah Melayu Serasa
16. Sekolah Melayu Dato Gandhi
17. Sekolah Melayu Sungai Besar
18. Sekolah Melayu Puduk
19. Sekolah Melayu Limau Manis
20. Sekolah Melayu Pengkalan Batu
21. Sekolah Melayu Panchor Murai
22. Sekolah Melayu Masin
23. Sekolah Melayu Kasat
24. Sekolah Melayu Menunggol
25. Sekolah Melayu Putat
26. Sekolah Melayu Kati Mahar
27. Sekolah Melayu Kupang

SEKOLAH2 BAHAGIAN TUTORING

1. Sekolah Melayu Birau
2. Sekolah Melayu Bakiau
3. Sekolah Melayu Kiudang
4. Sekolah Melayu Lamunin
5. Sekolah Melayu Batang Mitus
6. Sekolah Melayu Chung Hwa, Kiudang
7. Sekolah Melayu Kg. Menengah
8. Sekolah Melayu Sinaut
9. Sekolah Melayu Bukit Panggal
10. Sekolah Melayu Keriam
11. Sekolah Melayu Penanjong
12. Sekolah Melayu Penanjong
13. Sekolah Melayu Penanjong
14. Sekolah Melayu Penanjong
15. Sekolah Melayu Penanjong
16. Sekolah Melayu Penanjong
17. Sekolah Melayu Penanjong
18. Sekolah Melayu Penanjong
19. Sekolah Melayu Penanjong
20. Sekolah Melayu Penanjong
21. Sekolah Melayu Penanjong
22. Sekolah Melayu Penanjong
23. Sekolah Melayu Penanjong
24. Sekolah Melayu Penanjong
25. Sekolah Melayu Penanjong
26. Sekolah Melayu Penanjong
27. Sekolah Melayu Penanjong
28. Sekolah Melayu Penanjong
29. Sekolah Melayu Penanjong
30. Sekolah Melayu Penanjong
31. Sekolah Melayu Penanjong
32. Sekolah Melayu Penanjong
33. Sekolah Melayu Penanjong
34. Sekolah Melayu Penanjong
35. Sekolah Melayu Penanjong
36. Sekolah Melayu Penanjong

SEKOLAH2 BAHAGIAN TEMBURONG

1. Sekolah Melayu Batu Marang
2. Sekolah Melayu Mentiri
3. Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru
4. Sekolah Melayu Pulau Berbunut
5. Sekolah Melayu Labu Kebun
6. Sekolah Melayu Piasau-Piasau
7. Sekolah Melayu Senukoh
8. Sekolah Melayu Batu Apoi
9. Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar
10. Sekolah Melayu Puni
11. Sekolah Melayu Pai Yuck, Bangar
12. Sekolah Melayu Belingos
13. Sekolah Melayu Biang
14. Sekolah Melayu Amo
15. Sekolah Melayu Bokok
16. Sekolah Melayu Kinua
17. Sekolah Melayu Belais

SEKOLAH2 BAHAGIAN BELAIT

1. Sekolah Melayu Danau
2. Sekolah Melayu Tempuan Telisai
3. Sekolah Melayu Sungai Liang
4. Sekolah Melayu Lumut
5. Sekolah Melayu Chung Lian, Liang
6. Sekolah Melayu Chung Hwa Labi
7. Sekolah Melayu Rampayoh
8. Sekolah Melayu Labi
9. Sekolah Melayu Kuala Balai
10. Sekolah Melayu Bukit Sawat
11. Sekolah Melayu Sukang
12. Sekolah Melayu Malilas

Barang² yang di-kehendaki Suka-tan Harga-nya

1. Beras (Gd. AAA)	Sa-gtn.	\$
2. Ikan No. I	Sa-kati	\$
3. Ikan No. II	Sa-kati	\$
4. Daging Kerbau	Sa-kati	\$
5. Daging Lembu	Sa-kati	\$
6. Ayam	Sa-kati	\$
7. Udang Basah	Sa-kati	\$
8. Ikan Masin	Sa-kati	\$
9. Udang Kering	Sa-kati	\$
10. Ikan Pusu Kering	Sa-kati	\$
11. Sayor2an Hijau	Sa-kati	\$
12. Labu Ayer (Labu Merah)	Sa-kati	\$
13. Blachan yg. baik	Sa-kati	\$
14. Lada Kering	Sa-kati	\$
15. Garam Halus	Sa-kati	\$
16. Sayor Kubis	Sa-kati	\$
17. Bawang Merah	Sa-kati	\$
18. Ubi Kentang	Sa-kati	\$
19. Bawang Besar	Sa-kati	\$
20. Asam Jawa	Sa-kati	\$
21. Limau Manis (Tempatan)	Sa-kati	\$
22. Pisang	Sa-kati	\$
23. Ikan Sadin 16 ozs.	Sa-tin	\$
24. Kari Serbok 16 ozs.	Sa-tin	\$
25. Minyak Makan (Kachang)		
26. Besar 27 kati tin	Sa-tin	\$
27. Chuka Makan Besar	Sa-botol	\$
28. Kichap Besar No. 1	Sa-botol	\$
29. Vim Besar	Sa-kotak	\$
30. Matchis (10 biji)	Sa-bks.	\$
31. Beros Kasar (6 biji)	Sa-bks.	\$
32. Kelapa tua	Sa-biji	\$
33. Buah Apple	Sa-biji	\$
34. Telor Ayam	Sa-biji	\$
35. Telor Itek	Sa-biji	\$
36. Kayu Api Bakau	Sa-tan	\$
37. Gas	31 lbs.	\$

SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI — Anggota² Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat² di-bawah ini pada hari Juma'at 15 Oktober, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam —

(a) Mulai jam 11 pagi ka-jam 12-30 tengah hari di-Masjid Sengkuring, Brunei

(b) Mulai jam 11 pagi ka-jam 12-30 tengah hari di-Masjid Pengkalan Batu, Brunei.

Orang ramai lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadzir di-majlis² tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suci.

Jawatan Kosong:

BIDAN DI-KHEMAH BERAKAS A.M.D.B.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari mereka yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan yang berhak bagi di-daftarkan sebagai ra'ayat Al-Sultan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Bidan dalam Askar Melayu Diraja Brunei, Khemah Berakas, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah mempunyai pengalaman sebagai bidan yang berkelayakan selama dua tahun.

Sukatan Gaji:

Dalam sukatan \$183x7 - 211 - 220x10x - 260 - 280 - 290 - 300.

Kemudahan2:

Tempat kediaman, pakaian2 seragam dan dhobi perchuma akan di-sediakan.

Permohonan2 mesti-lah di-di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Oktober, 1965.

Tawaran2 Jabatan Kerja Raya

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 18 Oktober, 1965 bagi:—

MENGADAKAN: (1) 10 UNITS 7-TON TIPPER TRUCK; (2) 2 UNITS MOTORIZED SCAPER — MUATAN 14 KA 20 ELA ISI PADU C.I.F., BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh dilihat dan segala butir2 lain boleh

di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah dimasukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Kewangan Negara, di-bawah jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MENGADAKAN: (1) 10 UNITS 7-TON TIPPER TRUCK; (2) 2 UNITS MOTORIZED SCAPER

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sah-habis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Keputusan Lumba Perahu Di-Temburong

BANGAR. — Lumba sungai telah di-jalankan di-Daerah Temburong kerana menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan baru2 ini.

Jenis2 Lumba yang menarik perhatian penduduk2 di-Daerah ini ialah Lumba Berkayoh 7 orang di-antara Pasokan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Pasokan Pehak Pegawai Daerah Temburong. Lumba ini di-menangi oleh Pasokan Pehak Maulana Al-Sultan.

Perlumbaan yang istimewa itu dari Brunei ka-Temburong yang mana belum pernah di-adakan di-seluruh Negeri Brunei, telah di-jalankan dengan sempurna. Lumba jarak jauh ini menggunakan Outboard 40 hp. serta membawa sa-orang penumpang dewasa.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut: —

Pertama—Awang Nordin bin Abdul Latiff — Piala daripada George Ah Foott, Brunei Dan Piala Rebutan 3 tahun daripada Limbang Trading Company, Brunei.

Kedua—Pengiran Syed Shahminan, Pegawai Daerah, Temburong — Piala daripada Pehin Kapitan China, Brunei.

Ketiga—Awang Ma'arup bin Bunchu — Piala daripada Awang Yapp Chong Teck, Brunei.

Perlumbaan 40 hb. Motor Sangkut 6 pusingan terbuka dan keputusan-nya ada-lah seperti berikut: —

Pertama—Awang James Ho Chin Chun — Piala daripada Awang Tan Lian Kiat, Temburong.

Kedua—Awang Ma'arup bin Bunchu — Dengan hadiah wang tunai.

Ketiga—Pengiran Syed Shahminan, Pegawai Daerah, Temburong — Dengan hadiah wang tunai.

Pelayaran Kapal Haji: Bakal2 Haji Dari Brunei Tidak-lah Payah Menaiki-nya Dari Singapura

KUALA LUMPUR. — Jema'ah2 Haji dari Brunei, Sabah dan Sarawak yang akan menunaikan fardhu Haji pada masa hadapan dengan menaikki kapal2 Haji dari Singapura ka-Jeddah, tidak-lah payah lagi menaikki kapal2 Haji itu dari Singapura.

Menurut jadual perubahan pelayaran kapal2 Haji, bakal2 Haji itu dari negeri2 tersebut boleh-lah menaikki kapal2 Haji itu dari Jesselton, Labuan dan Kuching.

Gambar ini menunjukkan, Awang Besar bin Kamis sedang menerima derma yang berupa barang2 makanan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat yang di-sampaikan oleh dua orang pengakap sa-telah keluarga-nya di-kenakan kurantin. Isteri Awang Besar telah di-sahkan sa-bagai mengidap penyakit kolera dan di-tahan di-rumah sakit. Beliau dan keluarga-nya tinggal di-Kampung Ayer.




Sa-orang ibu di-Kampung Ayer kelihatan menerima derma barang2 makan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Brunei sa-telah rumah-nya

di-kenakan perintah kurantin apabila salah sa-orang yang tinggal di-dalam rumah itu di-sahkan sa-bagai mengidap penyakit kolera.



PILEHAN RAYA

Penkate: Ahmad Shisbad.



Pertunjukan Tattoo Dapat \$7,000

SERIA. — Pertunjukan Tattoo Tentera dan Pulis yang telah di-adakan di-Gelanggang Sokan Seria tidak berapa lama dahulu telah mengutip wang sa-banyak \$7,000 untuk Majlis Perkhidmatan Masyarakat Belait.

Pengerusi majlis itu telah mengirim surat2 menguchapkan terima kasih kepada Pasokan2 Tentera dan Pulis serta kepada lain2 pehak yang telah bekerjasama untuk menjayakan pertunjukan tersebut.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Majlis Perkhidmatan Masyarakat Belait akan mengadakan Pasar Gembira di-Seria pada 20 dan 21 November akan datang.

Lima buah pertubohan2, ia-itu Kelab Belia Seria, Pengakap, Pandu Puteri, Pertubohan Palang Merah dan Persatuan Kebajikan Wanita Belait telah di-minta untuk menganjorkan Pasar Gembira itu.

PERSIDANGAN M. M. D. TEMBURONG

PEKAN BANGAR, Temburong. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang bersidang pagi kelemarin di-Klab Temburong telah meluluskan usul untuk menasehatkan Kerajaan bagi mendirikan sa-buah Pejabat Hal-Ehwal Ugama dan sa-buah Sekolah Pertukangan Tangan bagi Daerah itu.

Usul bagi mendirikan sa-buah Pejabat Hal-Ehwal Ugama yang kekal di-daerah itu telah di-kemukakan oleh Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim bin Akim.

Ketika mengemukakan usul itu, Orang Kaya Haji Abdul Rahim berkata bahawa dengan melalui pejabat itu nanti akan dapat membasmu perbuatan2 yang menyalahi Ugama Islam seperti berjudi dan meminum minuman keras yang di-sifatkan-nya sa-bagai keterlaluan.

Beliau menambah, dengan terdiri-nya pejabat itu juga akan dapat-lah mengautkan perkembangan Ugama Islam dan membentok peribadi ke-Islaman yang sejati.

Usul itu telah di-sokong oleh sa-orang ahli majlis dari kawasan Bokok, Awang Lakim.

Sementara itu, usul menasehatkan Kerajaan bagi mendirikan sa-buah Sekolah Pertukangan Tangan itu telah di-kemukakan oleh Awang Metussin bin Ali Akbar ahli majlis dari kawasan Labu Estate.

Dalam menyatakan maksud mendirikan sekolah itu, Awang Metussin menyatakan bahawa pembenaan sekolah serupa itu ada-lah wajar bagi tujuan2 bukan hanya memperbaiki taraf hidup pemuda pemudi bahkan juga mendatangkan keuntungan kepada Kerajaan dan negeri.

"Dengan terdiri-nya sekolah itu nanti, kata-nya, pemuda pemudi tidak akan berpeluang membuang masa dengan perkara2 yang tidak bermuafakat seperti yang kita saksikan masa ini."

Beliau menambah bahawa dengan ini juga akan dapat melatich pemuda pemudi supaya lebih chenderong kepada mengadakan perusahaan sendiri dari makan gaji yang menjadi kebiasaan mereka sekarang ini.

Sekolah pertukangan itu, menurut Awang Metussin, akan mengandungi latehan2 bertukang kayu, membaiki injin, besi, mas, perak dan lain2 jenis pertukangan lagi.

Manakala bahagian perempuan pula ada-lah terdiri dari latehan anyam-menganyam, sulam-menyulam


dan masak-memasak serta lain2 kerja yang sesuai.

Satu lagi usul yang di-bawa oleh Awang Metussin telah juga di-luluskan oleh majlis dengan sa-bulat suara.

Usul itu ia-lah untuk menasehatkan kepada Pegawai Daerah supaya Kerajaan dapat membuang getah2 yang lama di-Labu Estate yang kemudian-nya di-gantikan dengan getah2 kahwin.

"Untuk menjamin nasib orang2 kampung yang menjadi buroh di-ladang itu, maka ada-lah wajar supaya getah yang berkeadaan tua itu di-tebang dan di-gantikan dengan benih getah kahwin yang hasil-nya agak lumaian sedikit", jelas Awang Metussin.


Majlis Mashuarat tersebut di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan dan telah berjalan dengan lancar-nya.



Dato Paduka Slater kelihatan menyampaikan hadiah kepada Y'akup bin Safar rekrut yang terbaik di-

upachara tamat latehan rekrut Askar Melayu Diraja Brunei pada 9 Oktober, 1965.

Gambar ini menunjukkan keluarga2 dari rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei ketika menyaksikan perbarisan tamat latehan bagi perajurit tanah ayer itu, pada hari Sabtu, 9 Oktober, 1965.



Orang2 Yang Mengidap Kolera Di-Bandar Brunei Berkurangan

BANDAR BRUNEI — Wabak Kolera yang menyerang sa-bahagian dari penduduk2 negeri ini ada-lah di-beritakan telah beransor2 berkurangan.

Namun demikian, atas nasehat Pegawai Perubatan Negara sa-bahagian dari sekolah2 dan semua panggong2 wayang di-Bandar Brunei, maseh di-tutup.

Tetapi, beberapa buah darjah dari sekolah2 di-Bandar Brunei yang membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan dari luar negeri telah di-beri kebenaran untuk di-buka.

Darjah2 itu ia-lah di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Misi Saint Andrew's dan Sekolah Misi Saint George's.

Darjah2 tersebut telah di-buka sa-mula pada hari Ithnin yang lalu sejak di-tutup pada 28 September, 1965.

Tetapi murid2 di-darjah2 tersebut yang tinggal di-rumah2 yang di-kenakan Kurantin tidak di-benarkan menghadziri darjah2 itu hingga kurantin itu di-batalakan.

Sementara itu, sejak minggu lalu, derma yang berupa barang2 makanan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat maseh lagi di-berikan kepada orang2 yang di-kenakan kurantin di-sekitar Bandar Brunei, termasuk Kampong Ayer.

Barang2 itu telah di-hantar oleh perkhidmatan2 sukarela di-negeri ini yang terdiri dari Pengakap2 dan Palang Merah.

Pulis Dan Tentera

(Dari Muka 1)

sa-bagai sangat berfa'edah bukan hanya tambah merapatkan peraan amanah, bahkan juga hormat menghormati dalam semua peringkat dalam kedua2 perkhidmatan itu.

Dato Paduka Slater mengharap supaya perasaan persahabatan itu akan tetap terpelihara hingga bila2 masa.

Kapada rekrut2 yang baru tamat latehan itu, Dato Paduka Slater menasehatkan mereka supaya akan sentiasa menjaga nama baik Askar Melayu Diraja Brunei dan berjaya dalam menunaikan tugas2 yang akan datang.

Upachara tamat latehan itu telah di-hadziri oleh Pegawai2 kanan Askar Melayu Diraja Brunei, ibu bapa, sanak saudara dan sahabat handai rekrut2 itu.

KOLERA

ORANG2 YANG BELUM LAGI BERSUNTIK DI-NASEHATKAN BERSUNTIK DENGAN SEGERA.

AYER MESTI-LAH DI-MASAK SA-BELUM DI-MINUM

TANGAN MESTI-LAH DI-BASOH SA-BELUM MAKAN

MAKAN-LAH BARANG2 YANG BARU DI-MASAK.